



KENYATAAN MEDIA

TINJAUAN TURUN PADANG OLEH MENTERI PERPADUAN NEGARA BAGI MEMPERKEMAS SOP SAMBUTAN PERAYAAN THAIPUSAM TAHUN 2022

16 Disember 2021, Selangor – YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique telah turun membuat tinjauan ke lokasi Sambutan Perayaan Thaipusam di Batu Caves, Selangor. Tinjauan ini dibuat berdasarkan keputusan Mesyuarat Kuartet Menteri COVID-19 Bilangan 10 Tahun 2021 pada 14 Disember 2021 yang memutuskan supaya Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) turun ke lapangan untuk melihat dengan lebih dekat lokasi sambutan dan seterusnya memperkemas cadangan SOP yang telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.

2. Sesi tinjauan ini turut dihadiri oleh wakil MKN, KKM, PDRM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor serta pihak pengurusan Kuil Sri Maha Mariamman Dhevastanam.

3. Sesi tinjauan bermula dari Kuil Sri Maha Mariamman Jalan Tun HS Lee Kuala Lumpur iaitu lokasi permulaan pergerakan kereta *chariot* bagi Perayaan Thaipusam dan diteruskan di sepuluh (10) lokasi

persinggahan kereta *chariot* yang telah dikenalpasti oleh pihak pengurusan kuil dan berakhir di Kuil Sri Subramaniaswamy Batu Caves, Selangor. Sesi tinjauan ini bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat proses perjalanan dan pergerakan kereta *chariot* serta lokasi upacara keagamaan lain iaitu upacara sembahyang, membawa Kavadi, membawa “Paal Koodam” (belanga berisi susu), mencukur rambut, upacara ritual (mandi), dan gerai jualan.

4. Pemilihan Batu Caves, Selangor sebagai lokasi tinjauan adalah kerana lokasi ini merupakan lokasi terbesar bagi Sambutan Perayaan Thaipusam setiap tahun. YB Menteri Perpaduan Negara juga akan turun membuat tinjauan ke kuil-kuil di negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah dan Perak dalam masa terdekat.

5. YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique turut memaklumkan bahawa berdasarkan hasil tinjauan ke lokasi dan perbincangan dengan pihak MKN, KKM dan PDRM, KPN akan membuat penambahbaikan ke atas cadangan SOP Sambutan Perayaan Thaipusam Tahun 2022 dan akan dibawa untuk pertimbangan YB Menteri Kanan Pertahanan dan YB Menteri Kesihatan.

Kementerian Perpaduan Negara

16 Disember 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (109)